**Kempen “Pandu Impianmu 2.0”**

**<u>Soalan Lazim</u>**

<table>
<tr><th>No.</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Apakah peluang yang disediakan oleh kempen ini kepada saya?</td><td>Kempen Pandu Impianmu 2.0 ini menawarkan anda peluang untuk memenangi hadiah lumayan, termasuk 8 kereta baharu, hanya dengan melabur minimum RM500 dalam satu transaksi bersama ASNB sepanjang tempoh kempen.<br><br>Setiap RM500 yang dilaburkan ke dalam mana-mana dana ASNB akan melayakkan anda menerima satu tiket penyertaan, dan selagi anda mencapai sekurang-kurangnya RM500 simpanan bersih menjelang akhir tempoh pemilihan pemenang yang ditetapkan, anda berpeluang menjadi antara pemenang bertuah.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Bilakah tempoh kempen ini?</td><td>Kempen ini dibahagikan kepada 2 fasa; Cabutan Pertama (April hingga September 2026) dan Cabutan Utama (April 2026 hingga Mac 2027).</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Apakah hadiah yang disediakan untuk kempen ini?</td><td>
<table>
<tr><th colspan="3">Cabutan Pertama</th></tr>
<tr><th>Kategori</th><th>Bilangan Pemenang</th><th>Hadiah</th></tr>
<tr><td>Pertama</td><td>1</td><td>Proton e.Mas 7 PHEV (Premium)</td></tr>
<tr><td>Kedua</td><td>3</td><td>Perodua Bezza 1.3x</td></tr>
<tr><td>Ketiga</td><td>10</td><td>Penginapan 3 hari 2 malam di Hard Rock Hotel Penang + Penginapan 3 hari 2 malam di Hard Rock Hotel Desaru</td></tr>
<tr><td>Keempat</td><td>50</td><td>Touch ‘n Go Reload PIN RM1,000</td></tr>
</table>
<br>
<table>
<tr><th colspan="3">Cabutan Utama</th></tr>
<tr><th>Kategori</th><th>Bilangan Pemenang</th><th>Hadiah</th></tr>
<tr><td>Pertama</td><td>1</td><td>BMW 320i M Sport</td></tr>
<tr><td>Kedua</td><td>3</td><td>Perodua Bezza 1.3x</td></tr>
<tr><td>Ketiga</td><td>5</td><td>Kad Hadiah Petronas RM5,000</td></tr>
<tr><td>Keempat</td><td>10</td><td>Penginapan 3 hari 2 malam di Hard Rock Hotel Penang + Penginapan 3 hari 2 malam di Hard Rock Hotel Desaru</td></tr>
<tr><td>Kelima</td><td>50</td><td>Touch ‘n Go Reload PIN RM1,000</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>No.</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>4.</td><td>Bolehkah saya memenangi hadiah bagi kedua-dua cabutan?</td><td>Ya, boleh. Walau bagaimanapun, anda hanya boleh memenangi satu kereta sahaja sepanjang tempoh kempen.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Bagaimanakah tempoh kempen ini dibahagikan untuk pemilihan pemenang?</td><td><table>
<tr><th rowspan="2">Pemilihan Pemenang</th><th colspan="2">Tempoh Pelaburan Layak</th></tr>
<tr><th>Mula</th><th>Akhir</th></tr>
<tr><td>Cabutan Pertama</td><td>1 April 2026</td><td>30 September 2026</td></tr>
<tr><td>Cabutan Utama</td><td>1 April 2026</td><td>31 Mac 2027</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Siapakah yang layak menyertai kempen ini?</td><td>Semua! Kecuali kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan kumpulan Syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB).</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Bagaimana untuk mendaftar bagi menyertai kempen ini?</td><td>Hanya imbas kod QR yang terdapat pada semua bahan pemasaran kami > isi borang (tak sampai 10 saat pun untuk lengkapkan) > SELESAI!<br><br>Atau, jika anda merancang untuk melabur melalui aplikasi atau portal myASNB, anda hanya perlu masukkan kod promosi “GENLABUR” pada ruangan promo code.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Selepas mendaftar, apa perlu saya lakukan untuk menang?</td><td>Anda hanya perlu melabur!<br><br>Ini cara tiket penyertaan dikira:<br><br>Hanya pelaburan minimum RM500 dalam satu transaksi layak.<br><br>Setiap RM500 dilaburkan akan memberi 1 tiket penyertaan.<br><br>Jika pelaburan dibuat melalui aplikasi atau portal myASNB (termasuk pelaburan Ria), anda akan menerima dua kali ganda tiket.<br><br>Contoh:<br><br>Labur RM500 → 1 tiket (2 tiket melalui myASNB)<br>Labur RM1,000 → 2 tiket (4 tiket melalui myASNB)<br>Labur RM1,500 → 3 tiket (6 tiket melalui myASNB)</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>No.</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>9.</td><td>Adakah terdapat kriteria lain yang perlu saya penuhi untuk layak menyertai kempen ini?</td><td>Ya, tapi ianya mudah sahaja. Untuk menyertai kempen, simpanan bersih anda dalam tempoh cabutan yang berkenaan haruslah sekurang-kurangnya RM500. Ini bermaksud jumlah pelaburan anda harus melebihi jumlah pengeluaran anda sebanyak minimum RM500 sahaja.</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Perlukah saya mendaftar setiap kali saya melakukan transaksi?</td><td>Tidak, anda hanya perlu mendaftar sekali sahaja.</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Di mana saya boleh melabur?</td><td>Di mana-mana saluran pengedaran dan platform ASNB – myASNB (termasuk Ria), bank ejen, atau cawangan ASNB.</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Saya faham pelaburan minimum ialah RM500 dalam satu transaksi untuk mendapatkan 1 tiket cabutan bertuah. Jika saya melabur RM5,000 dalam satu transaksi, adakah saya akan dapat 10 tiket?</td><td>Ya.<br><br>RM500 (minimum dalam 1 transaksi) = 1 tiket.<br><br>Setiap pertambahan RM500 = 1 tiket tambahan<br><br>Oleh itu, bagi pelaburan sebanyak RM5,000 dalam satu transaksi melayakkan anda akan mendapat 10 tiket.</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Jika saya membuat beberapa transaksi, adakah saya akan menerima tiket bagi setiap transaksi?</td><td>Ya. Selagi setiap transaksi sekurang-kurangnya RM500, ia layak untuk menerima tiket.<br><br>Contoh:<br><br><table>
<tr><th>Tarikh Transaksi</th><th>Jumlah Pelaburan</th><th>Bilangan Tiket</th></tr>
<tr><td>6/4/2026</td><td>RM500</td><td>1</td></tr>
<tr><td>10/5/2026</td><td>RM300</td><td>Tidak layak</td></tr>
<tr><td>8/6/2026</td><td>RM10,000</td><td>20</td></tr>
</table><br>Jumlah keseluruhan tiket diperoleh: 21 tiket</td></tr>
<tr><td>14.</td><td>Adakah terdapat had bagi jumlah tiket yang boleh saya perolehi?</td><td>Tiada had bagi jumlah tiket yang boleh anda perolehi, sama ada bagi setiap transaksi atau sepanjang tempoh kempen.</td></tr>
<tr><td>15.</td><td>Jika saya ada pelaburan bulanan berulang seperti Auto Labur, atau Skim Potongan Gaji, adakah saya layak?</td><td>Ya! Pastikan sahaja jumlah minimum RM500 dalam satu transaksi.</td></tr>
<tr><td>16.</td><td>Adakah saya akan mendapat tiket jika saya melabur dalam Ria?</td><td>Ya. Semua pelaburan sebanyak RM500 ke atas akan dikira untuk kempen ini, termasuk pelaburan Ria.</td></tr>
</table>

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 17. | Adakah pelaburan melalui SPA-KWSP termasuk? Bagaimana pula dengan pinjaman ASB? | Ya – SPA-KWSP dan pinjama ASB (ASBf) termasuk! |
| 18. | Adakah kempen ini terhad kepada unit amanah ASNB tertentu sahaja? | Tidak, kempen ini terbuka kepada semua unit amanah ASNB (tertakluk kepada ketersediaan unit). |
| 19. | Adakah agihan pendapatan, "*switching-in*" dan "*transfer-in*" dikira sebagai pelaburan? | Tidak. |
| 20. | Bolehkah saya mengeluarkan pelaburan saya sepanjang tempoh kempen? | Ya, tetapi anda perlu memastikan pelaburan anda melebihi pengeluaran sekurang-kurangnya RM500 dalam tempoh cabutan. |
| 21. | Bagaimana pemenang ditentukan? | Pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem cabutan bertuah komputer ASNB selepas tempoh cabutan – jadi semua orang yang berdaftar berpeluang untuk menang! |